

CNS2985

R GB.29-01 00199 BH684

BAH

Mahathir - Majlis

I

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau akan menghubungi Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik untuk mengetahui majlis ekonomi yang dimaksudkan oleh Datuk Seri Dr Ling.

+Saya terpaksa periksa dengannya terlebih dahulu. Saya tidak tahu majlis yang mana yang dimaksudkannya,+ katanya kepada pemberita selepas perlawanan bola sepak persahabatan antara Kelab Penyokong Kerajaan dan pasukan anggota-anggota Kabinet di Stadium Merdeka di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir telah diminta mengulas mengenai Majlis Ekonomi Kebangsaan peringkat Menteri, yang menurut Datuk Seri Dr Ling semalam, akan ditubuhkan bagi menggubal dasar ekonomi bagi tempoh 10 tahun akan datang.

Perdana Menteri berkata, beliau hanya membaca mengenai perkara itu di akhbar hari ini.

+Mungkin beliau (Datuk Seri Dr Ling) maksudkan majlis yang kami tubuhkan tetapi saya tidak tahu yang mana satu,+ katanya.

Kerajaan telah menubuhkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN) bagi menggubal dasar ekonomi yang baru bagi menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang berakhir pada 1990.

Semalam, Datuk Seri Dr Ling berkata Majlis Ekonomi Kebangsaan peringkat Menteri itu akan mengambil kira cadangan-cadangan MAPEN dalam menggubal dasar ekonomi. -- Bernama

♥29/01/00-00MST